

14 APR 1998

PRESIDEN UGANDA LAWAT MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia mulai esok di atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Lawatan itu bertujuan memperkukuhkan hubungan antara Uganda dan Malaysia, menurut satu kenyataan Kementerian Luar di sini hari ini.

Museveni akan diiringi oleh isterinya, Janet Museveni, Timbalan Perdana Menteri Pertama yang juga Menteri Luar Eriya Kategaya, Menteri Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Richard Kaijuka dan rombongan rasmi seramai 30 orang, termasuk anggota-anggota media cetak dan elektronik.

Atur cara presiden itu termasuk upacara sambutan rasmi di Dataran Parlimen, mengadap Yang di-Pertuan Agong dan jamuan negara di Istana Negara.

Museveni juga akan menghadiri mesyuarat delegasi yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa berkepentingan bersama.

Pemimpin Uganda itu juga dijadualkan memberi ucapan pada acara dialog-makan malam dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia dan melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), kilang Perusahaan Otomobil Nasional di Shah Alam, Zon Perdagangan Bebas di Sungai Way, Porim.

Beliau juga akan diberi taklimat mengenai strategi-strategi Malaysia mempromosi pelaburan dan perancangan pembangunan ekonomi.

-- BERNAMA

ES WAT